



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTERA LAUT (B.2 EB.3)  
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTERA LAUT**

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Engineering Marine Systems* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas pentadbiran dan pengurusan bahagian Juruteraan Polis Marin termasuk mengaturkan dan merancang kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan semua aset-aset Polis Marin;
2. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kebajikan kakitangan bahagian kejuruteraan Polis Marin;
3. Bertanggungjawab dalam memastikan semua aset yang dikendalikan oleh bahagian kejuruteraan berada dalam keadaan baik, selamat dan sedia untuk digunakan;
4. Bertanggungjawab dalam memastikan semua proses dan prosedur kerja bahagian kejuruteraan Polis Marin berjalan dengan lancar dan mengikut peraturan yang sedia ada; dan
5. Bertanggungjawab dalam menyediakan laporan pemeriksaan teknikal pada aset-aset Polis Marin yang dalam kerosakan yang major atau menyediakan spesifikasi bagi pembaikan yang diperlukan.